



---

## **MITI MELANCARKAN PROJEK DEWAN SERBAGUNA & MINI MITI DAY DI KAMPUNG ANGKAT MADANI, KAMPUNG TEBUK MUFRAD, SABAK BERNAM**

---

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dengan bangganya mengumumkan penganjuran Mini MITI Day dan Majlis Pecah Tanah Dewan Serbaguna Terbuka yang berlangsung di Kampung Tebuk Mufrad, Sabak Bernam. Kampung ini telah diangkat sebagai Kampung Angkat MADANI MITI sejak Februari 2024, hasil inisiatif yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2024 yang lalu.

Program yang berlangsung pada hari ini menampilkan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat, bimbingan dan pengenalan mengenai fungsi-fungsi MITI serta agensi-agensinya. Selain itu, program ini turut melibatkan sumbangan minyak hitam dan baja kepada penduduk kampung daripada syarikat-syarikat industri seperti Mannol Oil dan All Cosmos Bio-Tech Holding Corporation.

Majlis Pecah Tanah bagi pembinaan Dewan Serbaguna Terbuka ini merupakan salah satu inisiatif penting MITI dalam usaha memperkukuh kesejahteraan komuniti setempat. Dewan ini, yang akan dibina di atas tanah wakaf milik Masjid Tebuk Mufrad, dirancang sebagai pusat pelbagai fungsi yang akan memberi manfaat besar kepada penduduk kampung dari segi sosial dan ekonomi.

Dewan Serbaguna ini bukan sahaja akan berfungsi sebagai pusat untuk aktiviti riadah dan sukan, dengan kemudahan seperti gelanggang futsal, bola tampar, badminton, sepak takraw dan bola keranjang, tetapi juga sebagai tempat berkumpul bagi majlis-majlis ilmu, acara komuniti, dan keraian. Pembinaan ini dilihat sebagai langkah strategik untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dengan menyediakan ruang yang selesa dan selamat untuk pelbagai aktiviti, seterusnya membantu memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk.

Selain itu, kehadiran Dewan Serbaguna ini juga dijangka akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan melalui sokongan kepada aktiviti inap desa (homestay)

dan penjualan produk tempatan. Dengan kemudahan ini, Kampung Tebuk Mufrad dapat menarik lebih banyak pelancong dan peniaga, sekali gus meningkatkan daya saing kampung di peringkat nasional.

Pembinaan Dewan Serbaguna ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak, termasuk Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), dan Lembaga Wakaf Selangor. MITI mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Majlis yang diadakan ini turut mengambil semangat bulan kemerdekaan, dengan seruan agar seluruh penduduk mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda taat setia kepada negara Malaysia.

## **KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**10 OGOS 2024**

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

### **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik MITI  
Tel : +603 6200 0082  
Fax : +603 6206 4293  
E-mail : [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)



603-80008000



[www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)



[webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)



**MITI**  
MALAYSIA



**THIS IS WHERE GLOBAL STARTS**